

MAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN MODUL SEBUT HARGA/TENDER – 13 MEI 2011

Berikut adalah penambahbaikan terkini ke atas modul Sebut harga/Tender dan boleh digunapakai mulai 13 Mei 2011:

1. Fungsi Klon

Fungsi klon dibangunkan bagi memudahkan pengguna menggunakan data perolehan sedia ada tanpa menguncimasuk data tersebut berulang kali. Data yang boleh diklon adalah seperti berikut:

- Keahlian Jawatankuasa
- Spesifikasi dan Kriteria Penilaian Teknikal
- Kriteria Penilaian Kewangan

Pengguna boleh mengemaskini/menambah/menghapuskan data yang telah diklon menggunakan kemudahan yang disediakan.

Sila klik :

- [Pembentukan Jawatankuasa](#) untuk panduan penggunaan fungsi klon keahlian Jawatankuasa
- [Penyediaan Spesifikasi dan Kriteria Penilaian Teknikal](#) untuk panduan penggunaan fungsi klon Spesifikasi dan Kriteria Penilaian Teknikal
- [Penyediaan Kriteria Penilaian Kewangan](#) untuk panduan penggunaan fungsi klon Kriteria Penilaian Kewangan

2. Semakan Dokumen Pematuhan

Fungsi ini dibangunkan bagi membantu Urusetia mengenalpasti dokumen pematuhan yang perlu dikemukakan oleh pembekal semasa pembukaan sebut harga/tender. Melalui kemudahan ini, Urusetia boleh merujuk

senarai semak dokumen pematuhan yang diperlukan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan.

Sila klik [Pembukaan Sebutharga/Tender](#) untuk panduan penggunaan fungsi semakan dokumen pematuhan.

Unit ePerolehan
Kementerian Kewangan Malaysia
Mei 2011